

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Identifikasi Masalah

Sastera Melayu Klasik yang ternyata mengandungi nilai-nilai budaya dan peradaban bangsa harus terus diteroka serta dimantapkan kajiannya. Usaha yang sebegini rupa akan dapat mengangkat martabat sastera Melayu setanding dengan sastera lain di dunia. Hikayat Bahram Syah (yang seterusnya akan disebut dengan singkatan HBS) merupakan salah satu kisah yang terdapat dalam khazanah kita.

Dalam proses penelitian dan perbandingan, akan dapat dilihat bahawa HBS ini tergolong dalam sastera 'hikayat' yang tidak terlepas mengalami proses tokok-tambah daripada pengarang atau penyalinnya. Namun demikian, peranannya sebagai pembentuk sahsiah dan nilai-nilai murni, memang tidak dapat dinafikan.

1.2 Rumusan Masalah

Berdasarkan huraian dalam 1.1, dapatlah dirumuskan beberapa masalah kajian seperti berikut:

- 1.2.1 Masih belum ada penelitian yang mendalam terhadap HBS.
- 1.2.2 Terdapat kelainan dari segi struktur dan teknik persembahan antara HBS dengan cerita-cerita lipur lara (yang seterusnya akan menggunakan singkatan LL).

1.2.3 Walaupun banyak unsur dalam HBS mempunyai persamaan dengan cerita-cerita LL, tetapi pengaruh Islam yang terdapat di dalamnya sudah mantap.

1.3 Tujuan Kajian

Berdasarkan rumusan masalah di atas, tujuan kajian ini dapat disimpulkan seperti berikut:

1.3.1 HBS yang telah ditransliterasi ini dapat menambah bilangan koleksi hikayat Melayu klasik. Oleh itu, diharap dapat memberi laluan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk menelitinya dari aspek-aspek yang lain pula.

1.3.2 Kajian terhadap HBS dan perbandingannya dengan cerita-cerita lain yang berkaitan, diharapkan dapat menyerlahkan 'keunikan khusus' yang terkandung di dalamnya.

1.4 Batas Kajian

Kajian ini hanya terbatas pada teks HBS bertulisan Jawi yang diperoleh dari Dewan Bahasa dan Pustaka, di samping beberapa buah cerita LL yang menjadi bahan bandingan dalam usaha melihat persamaan, perbezaan dan keunikannya.

1.5 Kajian-kajian Lalu

Setakat ini belum ada lagi kajian dari mana-mana aspek dibuat terhadap teks HBS. (Semakan terakhir dilakukan di Perpustakaan Negara Malaysia pada bulan Jun 2000).

1.6 Kedudukan HBS dalam Kesusasteraan Melayu

HBS merupakan sastera hikayat yang juga dikenali sebagai hikayat zaman peralihan. Antara hikayat yang tergolong dalam kategori ini ialah *Hikayat Jaya Langkara*, *Hikayat Gul Bakawali*, *Hikayat Si Miskin*, *Hikayat Nakhoda Muda*, *Hikayat Berma Syahdan* dan *Hikayat Inderaputera* (Winstedt 1969 : 70-83). Karya ini memperlihatkan campur-aduk antara dua kebudayaan besar iaitu Hindu dan Islam. Paduan unsur-unsur ini telah menyerlahkan karya-karya sastera hikayat khususnya HBS sebagai hasil penulisan pada zaman itu, di samping dapat meningkatkan pengetahuan tentang budaya, pemikiran dan falsafah sesuatu bangsa. Sementara itu, unsur Islam yang disisip dalam hasil karya sastera hikayat dapat membantu aktiviti pengembangan ajaran tersebut. Namun demikian, unsur-unsur Hindu tidak dimusnahkan, sebaliknya disesuaikan dengan unsur Islam demi mengekalkan sastera warisan zaman tersebut. Profesor Naguib dalam bukunya *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*, menyatakan, Islam berbanding Hindu telah mengubah hidup masyarakat Melayu-Indonesia ke arah suatu *weltanschauung* atau pandangan hidup yang berdasarkan falsafah dan bukan seni (1972 : 13).

Khazanah sastera hikayat bukanlah semata-mata terdiri daripada cerita-cerita berunsur hiburan tetapi ada juga yang membawa unsur berganda (Zalilah Sharif dan

Jamilah Haji Ahmad 1993 : 180). Sehubungan dengan itu, HBS ialah contoh sebuah hikayat yang membawa kedua-dua unsur iaitu hiburan dan didaktik. Unsur ini telah dipadukan dengan cara yang menarik melalui binaan struktur cerita yang memperlihatkan kelainan daripada struktur hikayat yang biasa.

Dalam proses penganalisan dan perbandingan, didapati HBS ini, walaupun mempunyai pengaruh cerita rakyat khususnya LL yang sering memaparkan unsur-unsur luar biasa. Namun, pengaruh Islam yang terdapat di dalamnya mempunyai kekuatan yang kukuh, dan mampu dijadikan bukti untuk menunjukkan bahawa cerita ini telah terhasil dalam zaman yang masyarakatnya sudah mempunyai pegangan kuat terhadap Islam.

Kepercayaan terhadap kekuasaan Allah dan ketaqwaan terhadap-Nya membuatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di luar keupayaan manusia biasa dapat diterima, kerana sesungguhnya apa saja yang berlaku adalah dengan kuasa dan kehendak-Nya. Kenyataan ini memang tidak dapat ditolak sama sekali.

Selain sebagai unsur hiburan, HBS ternyata unik kerana banyak memaparkan unsur-unsur pengajaran dan teladan tersirat yang disuratkan pengertiannya melalui monolog dalaman watak wiranya. Dalam rentetan peristiwa yang dilalui, wira telah diperlihatkan tentang kekuasaan Allah SWT yang penuh dengan peringatan dan pengajaran. Segala yang diperlihatkan ini menjadi teladan kepada wira dan untuk dimanfaatkan kepada semua penganut ajaran Islam.

1.7 Kerangka Teori

Dalam kajian ini beberapa teori digunakan untuk menganalisis teks HBS.

1.7.1 Teori Filologi

Dari segi etimologi dan istilah, filologi berasal daripada bahasa Yunani iaitu 'philologia' yang berupa gabungan perkataan 'philos' dan 'logos'. 'Philos' bermaksud 'teman' dan 'logos' 'perbicaraan' atau 'ilmu'. Dalam bahasa Yunani 'philologia' bererti 'senang berbicara'. Ungkapan ini berkembang menjadi 'senang belajar kepada ilmu', 'senang kepada tulisan-tulisan' dan kemudian 'senang kepada tulisan-tulisan yang bernilai tinggi seperti karya-karya sastera'.

Selain itu, 'philos' (cerita) dan 'logos' (kata) biasanya dikaitkan dengan kajian terhadap isi atau makna teks atau naskhah lama (Panuti 1995 : 97). Di samping itu, filologi juga dipakai untuk menyebut ilmu yang berhubung dengan kajian teks, iaitu kajian dalam rangka mengungkap hasil budaya yang tersimpan di dalamnya (Siti Bororoh 1994 : 4 ; Panuti 1995 : 98). Berdasarkan definisi di atas dapatlah disimpulkan bahawa filologi merupakan satu teori atau pendekatan untuk mengkaji, meneliti, mentransliterasi dan menilai sesebuah teks atau naskhah lama.

Sebagai istilah, filologi mula digunakan pada abad ke-3 SM oleh sekumpulan ahli dari Iskandariah. Semenjak itu filologi telah dikaitkan dengan pelbagai pengertian. Antara lain, filologi dikaitkan dengan pengetahuan yang pernah ada, sebagai ilmu bahasa, sebagai ilmu sastera

tinggi dan sebagai kajian teks. Sehubungan dengan ini, kebanyakan manuskrip lama yang dikaji secara filologi ialah karya-karya kesusasteraan. Menurut A.Rahman Kaeh (1987 : 70), senjata yang paling ampuh untuk menyingkap khazanah sastra lama ialah bidang pengajian filologi.

Filologi sebagai ilmu atau teori dihubungkan dengan karya-karya masa lampau dalam bentuk tulisan. Kajian melalui teori ini beranggapan bahawa dalam karya-karya masa lampau terkandung nilai-nilai sejagat yang masih tetap relevan dengan kehidupan masa kini. Justeru itu, untuk menyerlahkan nilai-nilai tersebut sudah tentu menuntut ketelitian pengkaji itu sendiri. Dengan ini, jelaslah bahawa filologi ialah ilmu yang menyelidik kebudayaan berdasarkan bahasa dan kesusasteraannya (Panuti Sudjiman 1984 : 28), atau dengan kata lain, filologi ialah studi tentang naskhah lama untuk menentukan keaslian, bentuk dan makna isinya (Siti Hawa Saleh 1996 : 1).

Sesungguhnya, karya-karya tulisan masa lampau merupakan khazanah yang berupaya menyingkap buah fikiran, perasaan dan gaya hidup yang pernah wujud satu ketika dahulu. Sehubungan itu, sebagai hasil karya masa lampau, bahan yang berupa kertas dan tinta yang digunakan sudah tentu akan mengalami kerosakan serta perubahan dalam perjalanan waktu sejak dicipta hinggalah ke saat ini. Kerosakan dan perubahan yang terjadi kemungkinan disebabkan faktor waktu atau kesengajaan oleh penyalinnya.

Oleh itu, wujudlah variasi dalam karya-karya tersebut dan menuntut cara tertentu untuk kita menganalisisnya. Dalam hal ini, teori filologi merupakan satu pendekatan yang berupaya menyingkap nilai-nilai dalam peninggalan tulisan masa lampau.

Kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa filologi merupakan satu pendekatan yang mampu menyingkap kandungan teks dalam naskhah tinggalan masa lampau. Sebagai penyingkap hasil budaya manusia, filologi amat berkait rapat dengan pendekatan kemanusiaan/humanisme.

Dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan filologi dalam proses mentransliterasi teks. Seterusnya, hasil transliterasi akan memudahkan penulis menghayati dan menyingkap nilai-nilai yang terkandung dalam teks yang dikaji.

1.7.2 Teori Morfologi

Morfologi bermakna kajian tentang bentuk. Dalam bidang botani, istilah morfologi membawa maksud kajian tentang bahagian-bahagian komponen tumbuh-tumbuhan dan hubungannya di antara satu sama lain. V. Propp telah menggunakan teori Morfologi ini untuk memperlihatkan bagaimana cerita rakyat, khususnya cerita pari-pari disusun atau dijalin dari awal hingga akhirnya. Dengan ini telah dapat diperlihatkan bahawa perjalanan sesebuah cerita itu diisi oleh bahagian-bahagian yang meliputi fungsi-fungsi watak di kalangan watak, unsur-unsur lain dalam cerita, penyebaran fungsi-fungsi di kalangan watak, cara watak-watak baru diperkenalkan, sifat-sifat

watak dan kepentingannya yang akhirnya dapat memberi satu kesatuan terhadap keseluruhan cerita tersebut.

Dalam kajian ini, teori morfologi digunakan dalam proses melihat persamaan dan perbezaan antara struktur cerita HBS dengan cerita-cerita rakyat, khususnya cerita LL. Persamaan dan perbezaan tersebut didasarkan pada taburan siri fungsi dalam cerita pari-pari yang mendasari teori morfologi oleh V. Propp.

1.7.3 Teori Humanisme

Dalam menganalisis teks sastra dari aspek-aspek tertentu, pelbagai teori atau pendekatan boleh digunakan. Salah satu pendekatan yang paling sesuai dengan tanggapan bahawa 'sastra itu manusia' ialah pendekatan humanitis atau humanisme. Pendekatan ini menumpukan perhatian terhadap persoalan-persoalan kemanusiaan. Ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh Northrop Frye, Sheridan Baker & George Perkins seperti berikut:

The moral critic takes humanity as the measure of art, seeing literature as a reflection of life and in some way a comment upon it; such a critic believes that literature has an effect upon the way people lead their lives..... perhaps only minimally, perhaps to a very great extent..... And it follows that one of the legitimate concerns of criticism is the appropriate response to that belief (1985 : 131)

Penyataan ini mempunyai persamaan dengan apa yang ditegaskan oleh John Gardner, seorang pengarang novel Amerika yang terkenal.

Penegasannya ialah seperti berikut:

"Either way, true art treats ideals, affirming and clarifying the Good, the True, and the Beautiful. Ideals are art's end; the rest is Methodology. True criticism, what I am calling 'moral criticism'...Truth, Goodness, and Beauty are thus, in varying, degrees, the fundamental concerns of art and therefor ought to be the fundamental concerns of criticism. Otherwise criticism must be irrelevant" (John Gardner 1978 : 144)

Sesungguhnya, pandangan yang sedemikian rupa telah lama disebut dalam teori Victor M. Hamm yang dikemukakan dalam *The pattern of Criticism* (Milwaukee, 1953), yang menegaskan bahawa kritikan moral ialah kritikan humanitis kerana moral adalah manusia dan pelakuan manusia.

Kenyataannya ialah seperti berikut:

"Let us return to our original proposition: morality is the attribute of reasonable and free activity. That is the fundamental notion. In this sense, morality is exactly equatable with humanity, i.e., humanness, and has nothing to do with preaching or putitanism or hypocrisy. In this sense every human act is moral act, and only a moral act is properly human, that is, free and reasonable" (Victor M. Hamm 1953 : 76)

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas terlihat bahawa kritikan humanitis dan kritikan moral merupakan sesuatu yang sama, kerana kedua-duanya mempersoalkan tentang kemanusiaan dalam kesusasteraan. Oleh yang demikian, nampaknya pendekatan humanisme merupakan suatu

pendekatan yang sesuai dalam kegiatan menganalisis dan menilai sastra. Hal ini bertepatan dengan empat alasan pokok yang diambil kira dalam penganalisisan atau penilaian tersebut. Empat alasan itu ialah seperti berikut:

- (i) dapat kembali pada asal konsep dan matlamat asas penghasilan sastra
- (ii) dapat menyingkap ciri dan isi penciptaan sastra
- (iii) dapat merangsang ledakan teori baru dalam kritikan sastra
- (iv) dapat merangsang unsur cerminan seperti kehendak agama

Selama ini pun telah difahami bahawa sastra itu merupakan suatu saluran komunikasi dalam bentuk cerita berseni untuk membawa dan mengarahkan manusia serta kehidupannya ke arah kebaikan. Oleh itu, penciptaannya terlaksana secara terkawal oleh suatu sasaran yang jelas dan tegas, baik secara sedar mahupun tidak sedar, kerana matlamatnya untuk memberikan manfaat kepada manusia. Hampir seluruh penciptaan sastra Melayu, sejak zaman dahulu hingga kini, mengalunkan nada-nada didaktis dan moral yang jelas sebagai matlamat untuk mengajar manusia dan bangsanya, agar mencari dan melakukan kebaikan jasmani serta rohani. Bagi menegaskan penciptaan sastra dalam bentuk yang sedemikian rupa, W.S.Rendra, seorang penyair dan dramatis Indonesia, pernah menyatakan pendapatnya melalui wawancara dalam Kompas terbitan 30 Jun 1981 seperti berikut:

"Perkembangan sastra Indonesia sekarang mengkhawatirkan. Sebahagian besar hasil karya hanya merupakan sastra 'klangenan'; atau penghibur, bukan sastra yang berfikir. Sastra dan kesenian harus memberi erti kepada masyarakatnya. Bukan sekadar hadir sebagai karya. Penyair, seniman atau cendekiawan mempunyai fungsi 'membimbing' atau memimpin perubahan masyarakat". (S.Takdir Alisjahbana 1985 : 119)

Di sini amat jelas memperlihatkan bahawa Rendra benar-benar menekankan aspek pendidikan kemanusiaan dan moral dalam karya sastra. Bagi beliau karya yang sedemikian rupa berperanan membawa perubahan pemikiran masyarakat.

Ditinjau dari aspek sifat dan isi, sastra Melayu, khususnya sastra Melayu lama, ternyata menyajikan karya-karya yang bersifat universal dan khusus. Sebagai contoh, terdapat genre-genre seperti sastra sejarah, sastra kitab, sastra ketatanegaraan dan sastra rakyat yang sifat serta isinya mencerminkan unsur pengajaran kepada manusia. Dalam sastra sejarah bersama sastra ketatanegaraan dan perundangan umpamanya, terungkap isi yang bercorak pengajaran kepada golongan pemerintah supaya melaksanakan pentadbiran negara dengan adil dan saksama. Manakala sastra kitab pula memaparkan tentang kehidupan beragama dan adab bagaimana menjalinkan hubungan dengan Tuhan, dengan manusia dan dengan alam. Tujuannya sudah pasti untuk memimpin manusia ke arah kesejahteraan hidup dunia dan akhirat. Semuanya berpokokkan moral dan kemanusiaan.

Seterusnya, kesesuaian pendekatan humanisme dalam penilaian atau penganalisisan sastra mampu memantapkan teori-teori yang sudah ada, di samping

merangsang pencetusan teori-teori baru. Lantaran itu, dunia sastra diperkayakan dengan pelbagai teori seperti filologi, morfologi, strukturalisme, dekonstruksi, resepsi, hermenutika dan sebagainya lagi. Kepelbagaian teori ini sudah tentu menyebabkan wujudnya kepelbagaian cara menilai dan meneliti karya sastra. Dalam kepelbagaian ini sudah pasti ada penilaian yang bercanggah dengan apa yang biasa berlaku. Justeru itu sudah tentu ada pula penelitian yang ingin menyerlahkan kelainan atau keluarbiasaan sehingga kadangkala tergelincir daripada landasan. Maka di sinilah pendekatan humanisme atau moral mengambil laluan untuk mengembalikan keadaan pada kedudukan sepatutnya, supaya matlamat memimpin manusia ke arah kebaikan melalui sastra tidak tercabul.

Dalam memainkan peranan untuk mengatasi kelemahan teori-teori lain, pendekatan humanisme ini sejajar dengan kehendak agama, khususnya agama Islam, sekiranya ciptaan sastra itu benar-benar berfungsi untuk kebaikan manusia. Menyentuh kenyataan ini, Shahnnon Ahmad berpendirian bahawa bagi Islam, seni sastra memainkan peranan untuk:

.....membina akhlak manusia yang baik mengikut Islam supaya manusia itu pula memainkan perannya, mengikut potensi dan keupayaannya, membina peradaban manusia yang hak. Oleh sebab itu, saya berkeyakinan bahawa kesusasteraan yang sebenar adalah kesusasteraan yang bermoral, bertujuan meningkatkan kehidupan manusia ke arah kesempurnaan, dalam waktu yang sama menentang kesusasteraan yang batil; kesusasteraan yang merendah dan menghina kehidupan ini. (Shahnnon Ahmad 1981 : 45)

Sementara itu, Ali Shariati, seorang tokoh falsafah dan aktivis Islam terkenal beranggapan bahawa:

"Art is a religion, a transcendent and sacred truth, a saviour of humanity. It has a responsibility which is great indeed and which rises above materiality. It is a responsibility which is totally human". (Ali Shariati 1974 : 7)

Berdasarkan segala kenyataan dan kekuatan yang ada pada pendekatan humanisme ini, maka pendekatan ini dapat diaplikasikan dengan kaedah tertentu. Antara kaedah yang boleh digunakan ialah kaedah dalaman dan kaedah luaran.

Melalui kaedah dalaman, karya sastera diteliti sebagai hasil seni yang memiliki ciri-ciri tersendiri yang khusus terutama unsur-unsur dalaman yang membentuk struktur binaannya. Untuk ini, setiap unsur dilihat pula dari sudut fungsi dan kepentingannya.

Kemudian, apabila menggunakan kaedah luaran, maka persoalan-persoalan manusia dan kemanusiaan akan mengambil tempat. Kaedah luaran ini menitikberatkan tinjauan terhadap unsur-unsur di luar karya seperti kehidupan pengarang, masyarakat, alam, manusia yang bergelut dengan permasalahan 'sosial', ekonomi, politik dan budaya serta citarasa dan daya penghayatan pembaca.

Selain kaedah di atas, kaedah keagamaan juga patut dilaksanakan kerana kaedah ini berlandaskan dasar keimanan yang berpaksikan akidah Islam, berteraskan Al-Qur'an & Hadis. Melalui dasar ini, akan ditemukan perkara-perkara berikut dalam teks sastera:

- # Sifat-sifat istimewa manusia sebagai makhluk Tuhan
- # sifat-sifat dan keagungan Tuhan sebagai pencipta segala makhluk dan alam semesta
- # hubungan manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam
- # pengabdian manusia kepada Tuhan untuk mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat
- # pengamalan cara hidup beragama yang melahirkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup manusia sejagat.

Selain itu, persoalan kemasyarakatan juga boleh ditinjau kerana karya sastera juga mendedahkan pelbagai masalah dalam usaha manusia mencari kebaikan dan keadilan hidup. Melalui sastera pengarang memaparkan tentang kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, penganiayaan, kepura-puraan dan macam-macam lagi kepincangan masyarakat. Persoalan-persoalan ini ditonjolkan bukan bertujuan untuk merangsang atau mendorong tetapi sebagai suatu pedoman dalam usaha menyaring pelakuan yang mana patut dicontohi dan yang mana pula perlu dihindari.

Dalam kajian ini penulis akan menggunakan pendekatan gabungan, iaitu meliputi pendekatan filologi, morfologi dan humanisme. Pendekatan gabungan ini dirasakan sesuai kerana tumpuan analisis teks adalah menyentuh aspek moral dan kemanusiaan.

1.8 Kaedah

Kaedah ialah cara atau aturan (membuat sesuatu), hukum/prinsip (Kamus Dewan 1989).

1.8.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini digunakan bermula daripada pengumpulan data hinggalah kepada proses pemilihan dan penentuan bahan. Dalam hubungan ini, naskhah yang dikaji telah diperolehi dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Sementara itu, bahan-bahan lain untuk proses perbandingan diperolehi dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

1.8.2 Kaedah Perbandingan

Kaedah ini digunakan dalam proses melihat persamaan dan perbezaan naskhah yang dikaji dengan hasil-hasil sastera sebelum dan sezamannya. Kaedah ini ternyata penting kerana melalui kaedah inilah, mutu dan keunikan naskhah yang dikaji dapat diserlahkan.

1.9 Konsep

1.9.1 Sastera Rakyat

Sastera rakyat ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat, yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi lain secara lisan (A.Bakar Hamid 1967 : 20). Oleh sebab itu, sastera rakyat dikenali juga

sebagai sastra lisan dan sifat lisan itulah yang menentukan sastra itu sebagai sastra rakyat (A. Bakar Hamid 1967 : 20).

Istilah rakyat dikaitkan dengan perkataan 'folk' atau 'volk' yang dapat diertikan sebagai sekelompok orang yang memiliki ciri-ciri pengenalan fizikal mahupun kebudayaan sehingga dapat dibezakan dengan kelompok-kelompok lain. Pengertian ini tidak jauh bezanya daripada apa yang diperkatakan dalam *The Study of American Folklore* (Brunvand, Jan) dan *Folklore in the Old Testament* (Frazer, Sir James):

Folk is defined as 'any group of people who share unique lore, based in their ethnic, religious, and subculture traditions, who are isolated or belonging to a minority national or ethnic culture and can be distinguished by their lore, believes, art, music, and/or tradition. Which can be traced back to an original 'folkloric' source or development'. This would be known as a 'Folk Group'.

Sastra rakyat atau sastra lisan meliputi cerita-cerita lipur lara, cerita jenaka, mitos, legenda, peribahasa, pantun, ungkapan adat, nyanyian rakyat, tarian, drama, permainan rakyat, bahasa isyarat dan sebagainya. Pendek kata, sastra rakyat ialah ekspresi budaya yang menggunakan bahasa dan mempunyai hubungan langsung dengan aspek agama & kepercayaan, undang-undang, keperluan masa lapang, ekonomi, kekeluargaan dan susunan nilai sosial masyarakat (Safian Hussain dll 1988:293-294).

1.9.2 Lipur Lara

Cerita lipur lara ialah cerita roman yang biasanya mengandungi unsur *adventure* (A.Bakar Hamid 1976:32). Cerita ini disampaikan melalui lisan oleh tukang-tukang cerita yang mahir menggunakan bahasa dan alat-alat muzik. Kini cerita-cerita tersebut telah wujud dalam bentuk bercetak. Lipur lara mempunyai fungsi sebagai sumber hiburan, malah ada pengkaji yang berpendapat bahawa cerita ini juga mempunyai tujuan pelarian.

Dalam mengisi fungsinya sebagai sumber hiburan, cerita lipur lara dipersembahkan dalam bentuk yang istimewa dengan iringan alat-alat muzik tertentu, di samping menggunakan bahasa yang berbeza daripada pertuturan seharian. Persembahan pula diadakan dalam majlis perkahwinan, berkhatan dan selepas menuai.

Kebanyakan cerita lipur lara berkisar di sekitar istana, mengenai putera puteri raja yang mempunyai pelbagai kelebihan serta keajaiban. Latar tempat pula melewati dunia dan kayangan dengan unsur-unsur kesaktian dan dewa dewi.

Struktur cerita lipur lara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada tiga peristiwa besar iaitu kelahiran, pengembaraan dan penyelesaian (*happy ending*). Menurut Umar Junus (1980:54), urutan peristiwa ini ada persamaan dengan apa yang terdapat pada kaba kerana sebuah kaba terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian awal, perantauan/pengembaraan/perjuangan dan penutup.

Berhubung dengan ini, menurut teori morfologi Propp, sebuah cerita biasanya bermula dengan situasi awal ahli sebuah keluarga dan bakal wira diperkenalkan. seterusnya, cerita berkembang menurut susunan fungsi-fungsi pelaku. Secara morfologi, sebuah cerita boleh diistilahkan sebagai suatu perkembangan yang bermula dengan kekurangan, melalui fungsi-fungsi perantaraan/perkahwinan ke fungsi-fungsi lain yang membawa kepada penyelesaian.

1.9.3 Sastera Hikayat

Sastera hikayat merupakan satu genre yang menjadi tumpuan pengkaji kerana banyak hasil kesusasteraan Melayu yang termasuk ke dalam golongan ini. Mengikut *First Encyclopaedia of Islam*, perkataan hikayat dalam bahasa Melayu berasal daripada perkataan 'hikaya' dalam bahasa Arab. Pada mulanya 'hikaya' bermaksud 'pelbagai sejarah', tetapi makna ini telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa, sehingga akhirnya lahir makna yang paling biasa iaitu 'cerita' dan 'naratif'.

Dalam kesusasteraan Melayu tradisional, penggunaan istilah hikayat sebagai judul karya bagi hampir semua genre sudah menjadi suatu kebiasaan. Di sini menunjukkan bahawa pengarang tidak menganggap istilah hikayat itu sebagai nama khas sesuatu genre. Oleh itu, hikayat telah menjadi satu istilah atau perkataan yang mendukung makna tertentu dan diterima oleh seluruh masyarakat. Bagi masyarakat tradisional, hikayat membawa maksud cerita, kisah atau riwayat. Penerimaan maksud ini mempunyai hubungan yang erat dengan makna asal perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Penerimaan istilah hikayat sebagai satu istilah umum menyebabkan kesusasteraan daripada genre berbeza menggunakan istilah tersebut. Justeru itu, cerita- cerita dalam genre lipur lara, sejarah, kepahlawanan dan cerita-cerita yang mengandungi unsur-unsur Hindu & Islam, semuanya memakai istilah hikayat pada judulnya.

Walau bagaimanapun, istilah itu sama sekali tidak mendatangkan kekeliruan kepada khalayak kerana yang menjadi penentu genre cerita ialah ciri-ciri penceritaan dan isi cerita di samping fungsi penciptaan cerita itu.

Lantaran penentuan itu, maka berbagai-bagai hikayat atau cerita yang terdapat dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional dikelompokkan ke dalam genrenya yang tersendiri. Contohnya, yang mengandungi unsur kepahlawanan dan kebangsaan diletakkan ke dalam genre sastera epik, cerita panji ditempatkan ke dalam genre sastera panji, yang berkisar tentang kisah para nabi dan tokoh-tokoh Islam diletakkan ke dalam genre sastera Islam dan yang mengandungi unsur sejarah dimasukkan ke dalam sastera sejarah.

Penciptaan sastera hikayat mewakili berbagai-bagai zaman dan karya-karya itu membawa unsur-unsur yang mewakili zamannya. Oleh yang demikian, karya sastera hikayat terbahagi seperti berikut:

- (i) Sastera Hikayat Berunsur Hindu
- (ii) Sastera Hikayat Berunsur Hindu-Islam

(iii) **Sastera Hikayat Berunsur Islam**

Sastera hikayat merupakan cerita-cerita dalam bentuk bertulis, yang menggunakan bahasa Melayu lama dengan gaya bahasa dan struktur tertentu. Di samping itu membawa cerita 'ajaib' yang berunsur hiburan tetapi ketara dengan nada-nada didaktik. Sesungguhnya, cerita-cerita begini adalah lanjutan daripada cerita-cerita lipur lara yang diperkaya dengan jalinan unsur-unsur cerita asing.

Menyentuh tentang latar, kebanyakan karya sastera hikayat berasal dari daerah Timur Tengah, Parsi dan India. Oleh sebab itu, terdapat nama-nama tempat yang betul-betul wujud. Sementara itu, ada pula merupakan nama-nama rekaan tetapi bersifat Melayu. Fenomena ini wujud hasil daya kreativiti pengarang supaya cerita sesuai dengan citarasa khalayak.

Sebahagian besar karya sastera hikayat mengandungi unsur-unsur Hindu yang menekankan prinsip kekeluargaan, jahat & baik dan kesetiaan yang jitu. Karya-karya ini juga membawa ajaran moral, politik, siasah, peperangan, peradaban dan kepercayaan. Oleh itu, penerimaan dan penyebarannya meluas di India dan seluruh benua Asia termasuk alam Melayu.

2.0 Kesimpulan

Dapatlah dikatakan di sini bahawa sastera Melayu merupakan warisan turun-temurun yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Kajian demi kajian yang dilakukan daripada pelbagai sudut akan menyerlahkan lagi keunikan dan keistimewaan

yang terkandung dalam karya-karya tersebut. Lantaran itu, dapat membuktikan bahawa daya kreativiti, falsafah tentang kehidupan dan kepekaan terhadap alam, yang wujud hari ini adalah lanjutan dan cambahan daripada apa yang telah dimulakan oleh generasi yang terdahulu. Kita patut bangga kerana bukan masyarakat Barat sahaja yang tinggi falsafahnya, tetapi masyarakat Melayu dahulu kala juga sudah mengenali ilmu falsafah melalui karya-karya sastera yang dihasilkan.